

## UCAPAN PERDANA MENTERI MENGENAI LANGKAH-LANGKAH UNTUK MENCEGAH INFLASI DI DEWAN RAKYAT PADA 23HB APRIL, 1974

Tuan Yang Dipertua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat tentu sedar inflasi ialah satu masalah yang utama yang dihadapi oleh negara hari ini. Seperti yang ditegaskan dengan nyatanya dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang sedang dibahaskan dalam Dewan ini "Kerajaan sedang dan akan terus mengambil tindakan-tindakan yang tegas bagi mengawal inflasi dan mengurangkan kesusahan rakyat". Tun Tan Siew Sin juga telah menyatakan bahawa masalah inflasi ialah masalah ekonomi yang utama dan ianya akan terus menjadi masalah yang besar untuk beberapa ketika.

Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat masih ingat, di dalam Ucapan penggulung Perbahasan Belanjawan tahun lalu, saya telah menyatakan bahawa Kerajaan akan terus mengambil tindakan untuk mengawal arah aliran inflasi. Saya juga menyatakan bahawa tindakan Kerajaan terhadap masalah inflasi tidak boleh dianggap sebagai satu langkah untuk sesuatu masa sahaja. Saya menegaskan pada waktu itu bahawa kita seharusnya memerhatikan selanjutnya keadaan itu dengan teliti dan bertindak dari semasa ke semasa, secara dasar jangka panjang kerana itu adalah dan semestinya merupakan satu latihan yang bercorak terus-menerus.

Dalam beberapa bulan yang lalu Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mengawal masalah inflasi. Pada bulan Jun tahun lalu ringgit Malaysia telah diapungkan ke atas. Pada bulan Oktober Kerajaan telah memberi elaun bantuan khas sementara kepada kakitangannya yang berpendapatan rendah dan langkah ini telahpun mula diikuti oleh pihak swasta. Mulai dari tahun ini Kerajaan akan membantu murid-murid yang miskin daripada semua sekolah untuk membeli buku-buku teks. Kerajaan juga telah mengetatkan dasar kewangan dari semasa ke semasa. Cukai impot ke atas berbagai-bagai barangan, terutama ke atas barang-barang keperluan, telah ditarik balik samada dengan sepenuhnya atau sebahagian darinya dan beberapa penyekatan eksport dikenakan. Satu kempen anti sorok sedang dilancarkan di seluruh

negara. Kempen yang bertujuan untuk mencegah peniaga-peniaga yang mahukan keuntungan berlebihan di atas barang-barang keperluan ini telah dimulakan baru-baru ini dan sedang berjalan dengan baiknya. Saya berasa gembira kerana orang ramai sedang memberi kerjasama kepada Kerajaan dan kempen ini telahpun mencapai hasil yang memuaskan. Kerajaan juga telah memberi subsidi yang besar jumlahnya untuk barang-barang keperluan dalam bulan-bulan yang baharu lalu. Subsidi-subsidi ini termasuk cukai-cukai dan duti-duti yang dimansuhkan telahpun dianggar melebihi 400 juta ringgit di dalam tahun 1974. Adalah dijangkakan bahawa jumlah subsidi ini akan bertambah lagi pada penghujung tahun ini apabila kita terpaksa mengimpot baja-baja untuk dibekalkan kepada petani-petani kita.

Tidak syak lagi bahawa kita telah menjalankan langkah-langkah anti-inflasi dengan berhati-hati dan tegasnya dengan mengambil ingatan bahawa perkembangan sosio-ekonomi dan pembahagian pendapatan yang lebih memuaskan perlu dicapai. Walaupun langkah-langkah ini agak meliputi, adalah jelas bahawa banyak lagi harus dilaksanakan bagi meredakan di mana boleh kadar inflasi yang makin bertambah. Seperti yang telah saya nyatakan dahulu, inflasi adalah satu masalah yang dihadapi oleh seluruh dunia. Oleh yang demikian, kita tidak terdaya untuk menyekat dengan sepenuhnya inflasi yang diimpot itu.

Berkenaan dengan kedudukan antarabangsa, data-data mengenai kadar inflasi tidak begitu menggalakkan. Amerika Syarikat baharu-baharu ini mengalami kenaikan kadar inflasi dua angka bagi pertama kali semenjak tahun 1948. Pada masa yang sama harga-harga pemborong di Jepun meningkat lebih dari 35%.

Angka tunjuk harga pengguna di dalam negeri dianggarkan telah bertambah sebanyak 24% di dalam bulan Mac tahun ini berbanding dengan masa yang sama tahun sudah. Harga-harga eksport masih lagi tinggi.

Bekalan wang yang telah bertambah sebanyak 33% pada tiap-tiap bulan di dalam tahun 1973 berbanding dengan bulan-bulan yang sama pada tahun 1972 masih lagi meningkat. Di dalam suku pertama tahun ini, ianya telah bertambah sebanyak 33% berbanding dengan masa yang sama tahun lalu. Pertambahan bekalan wang pada awal tahun ini adalah tidak seimbang dengan pertambahan Keluaran Negara Kasar yang diramalkan untuk tahun 1974. Oleh itu kita mendapati keadaan di mana terlalu banyak

wang yang beredar berbanding dengan jumlah barang-barang yang ada! Sebahagian besar dari pertambahan bekalan wang ini adalah disebabkan oleh harga-harga barangan eksport yang amat tinggi.

Di dalam tahun 1973, harga-harga getah, kelapa sawit dan bijih timah masing-masing meningkat sebanyak 76%, 51% dan 10%. Di dalam suku tahun pertama tahun ini pula, harga-harga getah, kelapa sawit dan bijih timah telah bertambah sebanyak 85%, 133% dan 65% berbanding dengan masa yang sama tahun sudah. Walaupun penerimaan eksport adalah amat tinggi dengan tambahan sebanyak 2.5 billion ringgit pada tahun sudah, jumlah ini dijangka akan bertambah lagi sebanyak 11% ke lebih kurang 9 billion ringgit tahun ini. Kesan penerimaan eksport ke atas harga-harga dalam negeri akan difahami apabila disedari bahawa sektor eksport adalah merupakan 50% dari Keluaran Negara Kasar dalam tahun 1973 berbanding dengan 41% di dalam tahun 1972.

Oleh kerana penerimaan dari eksport dan bekalan wang yang tinggi dan dijangka akan bertambah, tindakan selanjutnya perlu diambil oleh Kerajaan pada masa sekarang untuk meredakan tekanan inflasi. Memandangkan hal yang sedemikian, saya akan kemukakan sekarang langkah-langkah belanjawan dan kewangan untuk mencapai matalamat itu.

### *Langkah-langkah Cukai*

Adalah dicadangkan struktur-struktur duti yang sekarang ini dikenakan pada getah, minyak kelapa sawit dan bijih timah dipinda mengikut cara-cara seperti berikut:—

- (i) sercaj eksport atas getah digantikan dengan sercaj baharu yang lebih progresif,
- (ii) kadar duti eksport atas minyak kelapa sawit di tingkat harga yang melebihi 800 ringgit setan dijadikan lebih progresif lagi,
- (iii) selain daripada itu, suatu sercaj dikenakan juga ke atas minyak kelapa sawit, dan
- (iv) suatu sercaj eksport diadakan untuk bijih timah.

Butir-butir mengenai perubahan-perubahan cukai yang dicadangkan ini ada terkandung di dalam perintah-pertintah kastam yang akan diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dalam sedikit masa lagi.

### *Sercaj Ekspot ke atas Getah*

Pada masa ini getah dikenakan sercaj apabila harganya melebihi 60 sen sepaun. Kadar sercaj bertambah secara progresif dari  $\frac{1}{8}$  hingga 2 sen sepaun apabila getah berharga di antara 60 dan 62 $\frac{1}{2}$  sen sepaun. Kadar ini tidak berubah daripada 2 sen sepaun apabila harga getah melebihi 62 $\frac{1}{2}$  sen sepaun.

Adalah dicadangkan sekarang sercaj ini digantikan dengan suatu struktur duti yang lebih progresif. Seperti sercaj yang ada sekarang juga, sercaj yang baru ini akan mula dikenakan apabila harga getah melebihi 60 sen sepaun. Begitu juga kadar-kadar adalah sama dengan yang ada sekarang ini apabila getah berharga di antara 60 dan 70 sen sepaun. Apabila harga getah melebihi 70 sen sepaun, suatu sercaj yang progresif akan dikenakan mengikut formula-formula yang terkandung di dalam perintah duti kastam yang berkenaan. Dengan secara ringkasnya, di bawah struktur kadar yang baru ini, jumlah sercaj yang kena dibayar ke atas tiap-tiap sepaun getah yang diekspot akan bertambah secara progresif dari 2 hingga hampir 13 sen bila harganya melebihi 70 sen tetapi tidak melebihi seringgat 30 sen sepaun. Apabila harganya lebih daripada seringgat 30 sen sepaun suatu kadar rata sebanyak 10 peratus akan dikenakan. Sebagaimana dapat diperhatikan, sercaj yang dicadangkan itu jika dibandingkan dengan sercaj yang ada sekarang ini mengenakan beban cukai yang lebih berat lagi apabila harga getah hanya melebihi 70 sen sepaun.

Adalah dianggarkan bahawa perubahan ini akan menambahkan hasil sebanyak lebih kurang 87 juta ringgit setahun berdasarkan harga purata sebanyak 82 sen sepaun.

### *Duti Eksept dan Sercaj Eksept ke atas Minyak Kelapa Sawit*

Kadar-kadar duti eksept bagi minyak kelapa sawit yang ada sekarang ini berubah mengikut harga. Adalah difikirkan bahawa kadar ini tidak begitu progresif pada peringkat harga yang tinggi. Dengan itu adalah dicadangkan kadar duti yang dikenakan pada harga yang melebihi 800 ringgit setan itu dipinda. Pada masa ini kadar sut maksima yang dikenakan pada harga tersebut ialah hanya 30 peratus sahaja. Kadar-kadar baharu yang dicadangkan ialah apabila harga melebihi 800 ringgit setan kadar duti sut akan dinaikkan sebanyak 5 peratus bagi tiap-tiap kenaikan harga sebanyak 100 ringgit sehingga harga mencapai setinggi 1,500 ringgit. Selepas itu kadar duti sut akan ditambah sebanyak 15 peratus.

Selain daripada cadangan yang baru sahaja saya sebutkan tadi adalah juga dicadangkan untuk mengenakan suatu sercaj eksepot ke atas minyak kepala sawit. Sebagaimana boleh dilihat daripada perintah duti kastam yang berkenaan, apabila harga minyak kelapa sawit melebihi 500 ringgit tetapi tidak melebihi 650 ringgit setan, duti akan dikira mengikut formula-formula tertentu. Selepas itu suatu kadar rata sebanyak 2 peratus akan dikenakan.

Kedua-dua langkah ini akan mendatangkan hasil tambahan sebanyak lebih kurang 32 juta ringgit dalam suatu tahun berdasarkan harga purata sebanyak 1,000 ringgit setan.

### *Sercaj Eksepot ke atas Bijih Timah*

Adalah juga difikirkan bahawa struktur duti eksepot ke atas bijih timah yang ada pada masa ini patut dipinda supaya menjadi lebih progresif lagi. Sungguhpun duti sekarang ini berubah mengikut harga, tetapi kadar efektifnya kekal pada 12 peratus bagi tingkat harga yang melebihi 388 ringgit 38 sen sepikul. Oleh itu adalah dicadangkan supaya suatu sercaj eksepot diadakan untuk bijih timah. Sercaj ini akan dikenakan apabila harga melebihi 700 ringgit sepikul mengikut formula-formula seperti tersebut di dalam perintah duti kastam yang berkenaan. Sebagaimana dapat diperhatikan tingkat harga itu jelaslah melebihi harga purata bijih timah yang diperolehi di dalam beberapa tahun yang lalu. Mengikut formula-formula baharu yang dicadangkan ini, sercaj akan berubah dari satu peratus pada harga 800 ringgit sepikul hingga 5 peratus pada harga 1,200 ringgit sepikul. Adalah dianggarkan bahawa jumlah hasil tambahan yang akan diperolehi daripada langkah cukai baru ini ialah sebanyak lebih kurang 23 juta ringgit dalam satu tahun berdasarkan pada harga purata tahunan bijih timah sebanyak 900 ringgit sepikul.

Semua perubahan-perubahan cukai yang disebutkan tadi akan mendatangkan hasil tambahan berjumlah lebih kurang 142 juta ringgit dalam satu tahun. Jumlah ini hanya merupakan lebih kurang 2.8 peratus daripada jumlah anggaran pendapatan eksepot dari getah, minyak kelapa sawit dan bijih timah dalam tahun 1974, dan hanya lebih kurang sebanyak 35.5 peratus daripada anggaran jumlah kos yang ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan dalam berbagai program subsidiya.

Satu lagi langkah yang sedang dipertimbangkan oleh Perbendaharaan ialah kemungkinan untuk menukarkan tahun asas bagi mengira cukai pendapatan dan cukai tambahan pendapatan dari

tahun yang telah berlalu ke tahun semasa. Ini bermakna cukai pendapatan akan dikenakan pada tahun semasa pendapatan itu diperolehi. Dasar ini akan mempercepatkan reaksi di antara perubahan di dalam pendapatan dan pemungutan cukai. Perkara ini adalah penting di dalam keadaan inflasi apabila pendapatan adalah tinggi dan lagipun dasar ini akan menyenangkan pihak Kerajaan untuk menyerap mudah-tunai yang berlebihan dalam ekonomi.

Berkenaan dengan kedudukan perbelanjaan, Kerajaan akan memotong atau menangguhkan projek-projek yang tidak perlu dan tidak ekonomikal. Pembinaan-pembinaan yang tidak begitu penting di dalam sektor-sektor awam dan swasta harus ditangguhkan. Misalnya, setengah-setengah projek seperti Dewan Keadilan (Palace of Justice), dan Panggung Kebangsaan (National Theatre) boleh ditangguhkan untuk sementara waktu. Kita bercadang untuk mengadakan satu kempen jimat cermat dan jabatan-jabatan Kerajaan dan badan-badan berkanun adalah diharapkan mengambil peranan utama dan menunjukkan contoh dalam hal ini. Perbelanjaan tambahan bagi tahun ini tidak akan dibenarkan melainkan dalam kes-kes luarbiasa. Perbelanjaan berkenaan dengan perayaan-perayaan dan perbelanjaan ke atas projek-projek yang tidak akan menambahkan daya pengeluaran (productive capacity) harus dikurangkan lagi. Saya juga ingin menyeru kepada pihak swasta supaya mengikuti langkah jimat-cermat ini.

Dasar kewangan perlu diketatkan lagi sekiranya kita hendak mencapainya kesetabilan kewangan dan juga mempercepatkan kemajuan ekonomi. Oleh yang demikian kadar bunga haruslah dinaikkan lagi. Kadar bunga bagi simpanan tetap yang berjangka sembilan dan dua belas bulan akan dinaikkan sebanyak satu titik peratus manakala kadar bunga bagi simpanan tabungan akan dinaikkan dari  $5\frac{1}{2}$  kepada  $6\frac{1}{2}$  peratus.

Satu sumber yang penting di dalam pertambahan bekalan wang datangnya dari kenaikan arahaliran pinjaman dan pendahuluan dari bank. Oleh itu adalah diputuskan bagi menghadkan kadar pertumbuhan dalam pinjaman dan pendahuluan dalam tahun ini ke 20 peratus melebihi peringkat 4,867 juta ringgit pada bulan Disember 1973. Pinjaman dan pendahuluan yang diberikan oleh bank perdagangan pada bulan Disember 1973 ialah tidak kurang dari 53% daripada jumlah pendahuluan pada bulan Disember 1972. Bank-bank perdagangan adalah diharapkan memberi keutamaan kepada pengeluaran terutama dari sektor-sektor yang

kini menemui masalah-masalah daya pengeluaran (capacity). Perbelanjaan-perbelanjaan bagi spekulasi dan ke atas barang-barang yang bukan perlu tidak akan digalakkan. Selain dari itu, syarat bagi bank-bank perdagangan untuk melaburkan sebahagian dari simpanan tabungannya dalam pinjaman-pinjaman kecil di bawah Rancangan Jaminan Keredit akan dinaikkan dari 3 ke 5 peratus. Kadar-kadar bunga yang dicadangkan untuk bank-bank perdagangan akan dicerminkan di dalam kadar-kadar meminjam dan pinjaman oleh syarikat-syarikat meminjam yang tidak dikenakan had maksima dalam kadar-kadar bunganya. Tambahan lagi kadar pertumbuhan dalam pinjaman oleh syarikat-syarikat kewangan yang dilesenkan sebagai syarikat-syarikat meminjam dalam tahun 1974 akan dihadkan ke 25 peratus melebihi peringkat 615 juta ringgit pada bulan Disember 1973.

Sebahagian daripada langkah-langkah belanjawan dan kewangan yang meliputi seluruh negara memerlukan tindakan dari orang ramai. Inflasi tidak dapat dikawal oleh Kerajaan sahaja. Sekiranya seluruh rakyat benar-benar hendak mengawal inflasi, maka semua golongan masyarakat haruslah memberi sumbangan masing-masing. Pihak Kerajaan akan memberi peluang kepada rakyat bagi memainkan peranan mereka di dalam mana-mana keadaan yang mengizinkan. Oleh yang demikian, kemudahan-kemudahan bagi simpanan tabungan untuk sektor luar bandar dan bandar akan ditambah lagi.

Dengan bertambahnya pendapatan dari eksport, pekebun-pekebun kecil getah terutamanya, dan pihak-pihak lain yang ada hubungan dengan getah, kelapa sawit dan pengeluaran bijih timah boleh digalakkan untuk menambahkan lagi simpanan mereka. Harga-harga barangan yang tinggi ini tidak mungkin berterusan. Oleh yang demikian adalah perlu bagi menambahkan simpanan pada masa sekarang supaya ianya dapat digunakan untuk tujuan-tujuan yang lebih berfaedah apabila kumpulan wang itu diperlukan nanti. Oleh sebab itulah maka kadar-kadar bunga akan dinaikkan dan pinjaman-pinjaman untuk tujuan-tujuan yang tidak penting perlu dikurangkan.

Salah satu daripada langkah-langkah yang sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan di dalam konteks ini ialah mengadakan satu kempen untuk menambahkan simpanan di seluruh negara dan ini termasuk cadangan untuk menukarkan corak Bank Simpanan Pejabat Pos kepada Perbadanan Tabungan Kebangsaan. Manakala

simpanan tabungan dengan bank-bank perdagangan telah meningkat empat kali ganda dari 1964 ke 1973, simpanan di Pejabat Pos telah bertambah dua kali ganda sahaja. Keadaan ini berlaku walaupun bilangan pejabat-pejabat pos dengan kemudahan-kemudahan simpanannya telah bertambah dengan lebih pesat apabila dibandingkan dengan kadar pertumbuhan cawangan-cawangan bank perdagangan. Oleh itu adalah nyata bahawa organisasi Bank Simpanan Pejabat Pos harus dikaji semula dan diperkuatkan untuk memberi lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan dan menyenangkan simpanan tabungan oleh rakyat.

Banyak telah dibuat di masa-masa yang lampau untuk mencegah inflasi. Langkah-langkah baru ini yang termasuk langkah-langkah kewangan dan belanjawan akan mengurangkan lagi arah aliran kenaikan harga di dalam negara ini. Saya percaya pengkritik-pengkritik tentu bersetuju bahawa Kerajaan ini telah mengambil banyak langkah-langkah yang berani untuk mengawal inflasi. Walau bagaimanapun, orang ramai mestilah memainkan peranan mereka juga supaya usaha-usaha kita dapat memberi kesan-kesan yang dikehendaki. Perbelanjaan ke atas barang-barang mewah dan yang bukan perlu tidak akan digalakkan dan kita mesti berjimat-cermat di dalam kehidupan kita sehari-hari. Sekiranya rakyat tidak sanggup mengurangkan perbelanjaan, maka adalah susah bagi Kerajaan untuk mencegah inflasi. Seperti kebanyakan masalah-masalah yang kita hadapi di dalam kehidupan sehari-hari, kita tidak boleh bergantung kepada usaha-usaha Kerajaan semata-mata. Kita harus cuba berdikari dan jangan bergantung hanya kepada Kerajaan bagi mengelakkan kesan-kesan buruk inflasi.

Saya ingin memberi jaminan kepada Dewan ini dan seluruh negara bahawa Kerajaan telah memutuskan dengan tegasnya dan berazam untuk mengambil sebarang tindakan yang difikirkan perlu bagi mencegah inflasi. Kita akan terus mengkaji keadaan sekarang dengan berhati-hati dan teliti dan akan mengambil tindakan selanjutnya apabila keadaan memerlukan. Di dalam usaha yang berterusan bagi mencegah kenaikan harga ini saya ingin menyeru semua rakyat amnya, dan masyarakat perniagaan khususnya, supaya menyumbangkan kerjasama serta persefahaman dan sokongan mereka untuk membolehkan negara kita mencapai pertumbuhan ekonomi di dalam konteks kestabilan kewangan. Saya tidak ragu-ragu bahawa dengan usaha bersama di antara pihak Kerajaan dan rakyat, kita akan dapat menyelesaikan masalah inflasi ini di dalam satu masa yang berpatutan.